

BAB 5

Mempertahankan Isu-Isu Masyarakat Islam

5.1 Pengenalan

Isu-isu masyarakat Islam di negara-negara membangun turut mempengaruhi dasar dalam dan luar Malaysia. Sebagai sebuah negara Islam, adalah logik Malaysia memberi tempat yang istimewa dalam interaksinya dengan negara-negara yang mempunyai ciri yang serupa. Kerana itu bukanlah menghairankan apabila Dr. Mahathir Mohamad menetapkan bahawa dasar luar negara dengan negara-negara Islam adalah keutamaannya. Lagipun, keistimewaan bersahabat dengan negara-negara Islam ini memang sudah lama dirintis seperti yang terbukti dalam penyertaan Malaysia dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam iaitu OIC sejak pertubuhan itu diasaskan lagi. Sehubungan dengan itu dalam bab ini pengkaji cuba membincangkan kepimpinan dan peranan Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam dalam mempertahankan isu-isu yang melibatkan masyarakat Islam di negara membangun. Beliau yang mendakwa **Malaysia sebagai sebuah negara fundamentalis dan dirinya seorang fundamentalis kerana menghayati ajaran agama Islam yang fundamental**¹⁴⁹ menarik minat pengkaji memperhalusi peranan beliau dalam membantu masyarakat Islam yang tertindas. Dalam membincangkan tajuk in penulis

¹⁴⁹ *The Star*, 31 Oktober 2003

selain menggunakan isu-isu yang melibatkan hubungan Malaysia dengan masyarakat Islam di negara-negara jiran seperti Thailand, Myanmar dan Filipina, penulis juga menganalisis peranan Malaysia dalam OIC, krisis Perang Teluk, dakwah Islam dan isu kebangkitan Islam.

5.2 Isu Kebangkitan Islam

Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri ketika kebangkitan semula Islam di seluruh dunia sedang memuncak. Di kalangan negara-negara maju terdapat kebimbangan bahawa kebangkitan Islam itu sebagai sesuatu yang mengancam mereka. Pemimpin lain mungkin mengambil sikap yang defensif untuk menghadapi tekanan kuasa-kuasa Barat yang lebih berpengaruh dan berkedudukan tinggi dalam melawan arus kebangkitan semula Islam itu. Akan tetapi Dr. Mahathir Mohamad pula mengambil sikap yang "*offensive*". Ini jelas terbukti apabila ucapan kedua beliau di perhimpunan agung PBB telah diperuntukkan sebahagian besarnya bagi mempertahankan kebangkitan Islam dan menjelaskan kekeliruan yang timbul mengenai fenomena itu. Beliau menjelaskan bahawa,

"...janganlah mudah terpengaruh hingga bimbangkan kebangkitan semula Islam atau malah oleh perkataan "fundamentalis" yang telah mencetuskan pelbagai syak wasangka... Benar kami adalah fundamentalis Islam kerana kami berpegang kuat pada ajaran-ajaran Islam pada keamanan, tolak ansur dan keadilan dan benar memang ada para pelampau dalam Islam seperti halnya terdapat pelampau di setiap agama dan di setiap peringkat sejarah."¹⁵⁰

¹⁵⁰ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad dipetik dari Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 58

Menurut Dr. Mahathir Mohamad secara keseluruhan agama Islam berfungsi untuk menjaga kedamaian, mempertahankan keutuhan, melindungi hak dan kebebasan umat Islam yang merupakan pembentukan sebuah negara yang harmoni. Berdasarkan pada hakikat ini, dasar luar di bawah pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad telah berkali-kali menyeru kepada OIC bertindak sebagai pertubuhan yang benar-benar menjaga kepentingan umat Islam di seluruh dunia.¹⁵¹

Malaysia sebagai sebuah negara Islam disegani kerana suara lantangnya menentang kezaliman berdasarkan keadilan yang dibawa oleh Islam. Kelantangan ini telah dipelopori oleh Dr. Mahathir Mohamad kerana ia telah memberi wajah baru serta takrif sebenar kepada pengertian Islam di Malaysia¹⁵². Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya membuktikan kepada seluruh dunia amnya dan dunia Islam khasnya bahawa Islam boleh dilaksanakan dengan hikmah. Misalnya Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Insuran Islam dan sebagainya telah ditubuhkan dengan jayanya di Malaysia.¹⁵³ Dengan kemajuan ini, Malaysia telah diiktiraf oleh negara-negara Islam yang lain sebagai model sebuah negara Islam yang maju¹⁵⁴.

Kalau di akhir tahun 1970-an dahulu revolusi Iran dilihat sebagai satu ancaman kepada kestabilan politik Malaysia tetapi di tahun 1990-an, hubungan dengan

¹⁵¹ *Urusan Malaysia*, 24 Julai 1993

¹⁵² Means, Gordon, *Malaysian Politics: The Second Generation*, Oxford University Press, 1991, hlm. 99-105

¹⁵³ Harold Crouch, "Malaysia: Do Elections Make a Difference", dlm. R.H. Taylor (ed), *The Politics of Election in Southeast Asia*, (ed), Woodrow Wilson Center Press, 1996, USA, hlm. 129

¹⁵⁴ Means, Gordon, *Malaysian Politics*, hlm.105

Iran bertukar dan berkisar kepada kerjasama ekonomi berbentuk Islam. Pengaruh luaran terutamanya dari negara-negara Islam banyak mempengaruhi sikap masyarakat Malaysia.

Era semasa dan selepas Perang Dingin di antara blok Barat dan Soviet Union juga meninggalkan kesan ke atas dasar luar Malaysia. Dr. Mahathir Mohamad juga telah mengambil sikap berbaik dengan negara-negara Islam bekas Soviet Union dengan mengadakan kerjasama ekonomi, sosial dan pendidikan di samping mengadakan lawatan ke negara-negara tersebut. Malah, para pemimpin Uzbekistan, Turkmenistan, Kirgistan dan lainnya telah diundang melawat Malaysia.¹⁵⁵

Walaupun Malaysia sentiasa mempertahankan kebangkitan Islam di negara-negara membangun tetapi Dr. Mahathir Mohamad mengambil pendekatan yang berbeza apabila berhubung dengan rejim-rejim yang dianggapnya sebagai radikal. Dalam hal ini, beliau berhati-hati apabila menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan Libya, Syria dan Republik Iran. Malaysia yang bimbang dengan penyebaran Islam ala model Iran kerajaan Khomeni, telah mengambil keputusan mengharamkan lawatan rakyat Malaysia ke Iran.¹⁵⁶ Dalam politik domestik pula, Parti Islam PAS di Kelantan yang bercita-cita mahu memperkenalkan hukum hudud di Kelantan menjadi sasaran kritikan pedas kerajaan Dr. Mahathir Mohamad yang berhujah undang-undang tersebut tidak sesuai dengan sebuah negara yang berbilang etnik seperti Malaysia. Dalam perhimpunan agong UMNO pada tahun berikutnya, Dr. Mahathir Mohamad mengecam kegiatan kumpulan pelampau

¹⁵⁵ ibid. hlm. 99-105

¹⁵⁶ David Camroux, *Looking East and Inwards*, hlm. 21

agama Islam di Malaysia dan mengatakan undang-undang PAS itu adalah '*deviant*' dan tidak sesuai dalam konteks Malaysia.

Pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN di Bangkok Julai 1994, delegasi Malaysia mencadangkan supaya mengambil tindakan bersama bagi mengawal kegiatan pelampau Islam di rantau Asia Tenggara. Justeru itu, satu ketetapan telah diambil bagi mengharamkan kegiatan Al-Arqam di Singapura, Brunei dan di sembilan buah wilayah Indonesia.¹⁵⁷ Pada 2 September 1994 pemimpin Al-Arqam, Sheikh Imman Ashaari Muhammad dan beberapa pengikutnya telah di tangkap di Thailand dan di ekstradisikan ke Malaysia. Mereka kemudiannya ditahan di bawah akta ISA.¹⁵⁸

Ketika krisis Teluk berlaku kerajaan Malaysia berada dalam kedudukan yang serba salah. Ini kerana sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB pada masa tersebut, Malaysia mengambil keputusan untuk mengutuk pencerobohan tentera Iraq di Kuwait. Namun begitu Dr. Mahathir Mohamad berkata ia tidak akan menghantar tenteranya ke negara-negara Timur Tengah dengan alasan ia akan hanya berbuat demikian jika kota Mekah dan Madina diancam. Tetapi apabila kota Baghdad diserang oleh tentera sekutu Amerika Syarikat, pendirian Malaysia berubah dan rasa simpati terhadap rejim Iraq semakin bertambah. Lantaran itu, Dr. Mahathir Mohamad mengambil pendirian untuk mengutuk serangan tersebut kerana menganggap ia sebagai "*wanton destruction of Iraq*" pula.¹⁵⁹ Apabila membincangkan dasar luar Malaysia, Johan Saravanamuttu berkata:

¹⁵⁷ Al-Arqam ialah sebuah pertubuhan bermazhab Shiite mempunyai keahlian seramai 200 000 orang termasuk 7 000 kakitangan awam Malaysia. Pada 5 Ogos 1994, Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri mengharamkan pertubuhan tersebut dan memberi amaran keras akan mengambil tindakan undang-undang ke atas ahli-ahli yang enggan keluar dari pertubuhan tersebut.

¹⁵⁸ David Camroux, *Looking East and Inwards*, hlm. 22

¹⁵⁹ ibid.

"One suspects, however, the Malaysia's Muslim ties suggest some degree of 'posturing'. For Malaysia, the goals of Muslim solidarity are vague and distant, a circumstance heightened by Malaysia's geographical distance from the hub of Muslim activity in the Middle East. Nevertheless these seems to be a pragmatic edge to these ties... Domestically, they are a sine qua non of good politics given Malaysia's Muslim majority."¹⁶⁰

Namun begitu, Dr. Mahathir menggunakan hubungan yang baik dengan negara-negara Islam itu untuk meningkatkan ekspot Malaysia ke negara-negara tersebut. Malaysia juga diterima masuk ke dalam *International Islamic Chamber of Commerce* (Dewan Perdagangan Islam Antarabangsa) yang berpusat di Jeddah.¹⁶¹ Dari perspektif ideologi pula usaha mempertahankan kebangkitan Islam dilakukan dengan cara ia boleh diterima oleh masyarakat umum Malaysia. Ini jelas terbukti dalam soal kebangkitan Islam di Myanmar dan isu Bosnia. Dalam mempertahankan kebangkitan kaum minoriti Islam di Myanmar misalnya Dr. Mahathir Mohamad telah melanggar tradisi ASEAN yang berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal politik anggota ASEAN yang lain.¹⁶² Begitu juga dalam isu Bosnia, Dr. Mahathir Mohamad melalui Konferensi Menteri-Menteri Luar OIC pada Julai 1993 di Pakistan, berjaya mengusulkan penghantaran tentera pengaman PBB ke Bosnia. Pada penghujung bulan September 1993 Malaysia telah menghantar pasukan pertamanya seramai 1500 askar ke Bosnia untuk menjalankan tugas mengembalikan keamanan di Bosnia.¹⁶³

¹⁶⁰ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy, 1957-1990", dlm. Zakaria Haji Ahmad (ed), *Government and Politics of Malaysia*, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm. 147

¹⁶¹ David Camroux, *Looking East and Inwards*, hlm. 22

¹⁶² Kerajaan Malaysia yang mengamalkan dasar '*constructive engagement*' dengan rejim tentera Myanmar, telah membuat bantahan diplomatik dan mendesak rejim Myanmar menyelesaikan isu kekejaman ke atas kaum minoriti Islam Rohingya dengan alasan mengatakan ia menggugat kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.

¹⁶³ *New Straits Times* 14 Julai 1993

Usaha Malaysia dalam membantu masyarakat minoriti Islam di luar rantau ASEAN juga amat jelas di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Ini terbukti apabila kerajaan Malaysia turut terlibat dalam pembinaan masjid-masjid di Amerika Syarikat, Itali dan Jepun. Pada tahun 1982 Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai ahli majlis tertinggi *World Council of Mosques*, yang bertanggungjawab mengawasi program pembinaan masjid-masjid di negara-negara Islam dan juga negara lain.¹⁶⁴

Dalam lawatannya ke bekas Soviet Union pada tahun 1987, Dr. Mahathir Mohamad menyatakan pendiriannya tentang sokongan Malaysia terhadap kepentingan dan kebajikan umat Islam di Soviet Union. Sejak kejatuhan komunisme di Soviet Union, kerajaan Malaysia telah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam bekas empayar Soviet Union dan menawarkan bantuan kewangan dan sokongan moral kepada kumpulan minoriti Islam di rantau tersebut. Malaysia juga mengadakan kerjasama ekonomi dan sosial termasuk dengan negara seperti Tajikistan, Khazakstan, Uzbekistan, dan Chechnya. Selain itu pergerakan Islam di Malaysia juga terlibat dalam memperjuangkan kebangkitan Islam di rantau tersebut. Misalnya Darul Arqam mengadakan hubungan (own connections) dengan negara Uzbekistan dan terlibat dalam program pembinaan masjid dan pendidikan Islam untuk belia di situ.¹⁶⁵

5.3 Persidangan Negara-Negara Islam-OIC

Walaupun Malaysia dikatakan sebuah negara yang aktif dalam pertubuhan OIC, tetapi sejak pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad peranan Malaysia dalam OIC

¹⁶⁴ *New Straits Times*, 19 September 1988

¹⁶⁵ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*, hlm. 199

dipertingkatkan lagi.¹⁶⁶ Melalui OIC Malaysia memperjuangkan perpaduan Islam di kalangan negara-negara anggotanya dan berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam urusan hal ehwal politik anggota OIC yang lain. Pada Sidang Kemuncak Islam Ketiga, 1991 Dr. Mahathir Mohamad menegaskan OIC perlu mengamalkan dasar saling hormat menghormati dan tidak campurtangan dalam hal ehwal negara lain termasuk di negara jirannya kecuali diminta berbuat demikian oleh negara berkenaan. Beliau menyatakan pendiriannya dengan berkata,

*"... it is imperative that we realise that unity can only be achieved if we recognise the need to respect the governments which have voluntarily and out of respect and adherence to Islamic teachings, come together to form this organisation... it is no secret that most conflict between nations, including Islamic nations, arrived from failures to observe mutual respect and avoidance of interference in the affairs of other nations, whether neighbours or not. More specifically it is the attempts encourage dissidents that have soured relations between countries."*¹⁶⁷

Peranan Malaysia dalam OIC terserlah apabila Malaysia dilantik sebagai International Peace Committee-IPC bagi tujuan mencari penyelesaian ke atas isu perang Iran-Iraq. Malaysia diberi kepercayaan untuk mengembalikan keamanan di perang Teluk memandangkan ia mempunyai hubungan yang baik dengan kedua-dua buah negara tersebut. Walaubagaimanapun usaha Malaysia terjejas ekoran tindakan Iran yang mengatakan bahawa perang tersebut ialah sebagai perang jihad. Malaysia yang kecewa dan bimbang dengan perkembangan tersebut mengambil keputusan untuk keluar dari IPC pada tahun 1987, walaupun OIC memujuknya supaya kekal dalam badan itu.

¹⁶⁶ David Lazarus dan Pathmanathan, *Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy*, hlm. 49

¹⁶⁷ Ucapan Dr. Mahathir dipetik dalam David Lazarus dan Pathmanathan, *Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy*, hlm. 59

Selain perang Iran-Iraq Malaysia dibawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad juga main peranan yang aktif dalam kemasukan semula Mesir ke dalam pertubuhan OIC pada tahun 1986. Mesir telah dipecat keanggotaannya apabila ia menandatangani perjanjian perdamaian Camp David dengan Israel pada tahun 1978.¹⁶⁸ Begitu juga peranan Malaysia sebagai orang tengah dalam penyelesaian isu pertikaian antara Pakistan dan India juga terserlah apabila Presiden Pakistan Zia al-Haq meminta pertolongan Malaysia pada tahun 1987 untuk membantu menyelesaikan persengketaan di antara dua buah tersebut (tidak membawa sebarang hasil yang konkret).¹⁶⁹

Malaysia yang bimbang dengan persengketaan di antara puak dalam pertubuhan OIC itu sendiri iaitu antara Arab dan Arab Iran (Sunni-Shi'a), menganggap ia boleh menjelaskan perpaduan di kalangan anggota OIC. Oleh itu kerajaan Dr. Mahathir Mohamad dalam Persidangan Casablanca pada tahun 1984 menyatakan kebimbangannya secara terbuka bahawa perlakuan sedemikian akan menjelaskan kepentingan dan kebijakan anggota negara OIC yang lain dari benua Afrika dan Asia.¹⁷⁰ Pendirian sedemikian diulangi sekali lagi di Kemuncak Persidangan OIC pada tahun 1987 pula.

Walaupun hubungan baik Malaysia dengan OIC terjalin begitu lama sejak pemimpin-pemimpin sebelum Dr. Mahathir, tetapi di bawah pimpinan Dr. Mahathir ia digerak dan dipertingkatkan lagi.¹⁷¹ Namun begitu, OIC tidak terlepas dari kritikan Dr. Mahathir Mohamad yang menganggapnya ia sebuah badan dunia yang tidak berkesan

¹⁶⁸ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*, hlm. 93

¹⁶⁹ ibid. hlm. 93-94

¹⁷⁰ ibid.

¹⁷¹ R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, 1999, hlm. 135

dan lemah dalam menjaga kepentingan umat Islam. Beliau kecewa dengan peranan OIC yang hanya bertindak sebagai "*mere extension of Arab League*" dan tidak menampakkan hasil yang ketara.¹⁷²

Sesungguhnya, pada tahun 1987, Malaysia yang ternyata tidak puas hati kerana sumbangannya tidak dihargai oleh badan dunia tersebut, menyuruh ia disusun semula supaya menjadi kuasa Islam yang berpengaruh. Justeru itu, pada tahun 1993, Malaysia telah mengemukakan cadangan menubuhkan "*Eminent Person Group*" iaitu sebuah badan perundingan untuk mengkaji cara mengatasi kelemahan OIC supaya menjadi sebuah organisasi yang kohesif dan efektif bagi menjaga kepentingan negara-negara Islam dan pada masa yang sama relevan dalam konteks pasca perang dingin. Walaupun diakui peranan aktif Malaysia dalam OIC tetapi ada pihak yang mengatakan OIC hanyalah sekadar sebuah pertubuhan negara-negara Islam untuk 'berhimpun' dan bukannya '*Islamic organization per se*'.¹⁷³

Namun, begitu penglibatan Malaysia dalam OIC serta hubungan yang baik dengan negara Islam yang lain telah membolehkan Malaysia mendapatkan sokongan apabila ia mengemukakan pandangannya tentang pelbagai isu di pentas antarabangsa. Misalnya, sokongan negara-negara Islam terhadap usaha Malaysia dan ASEAN yang ingin melihat keamanan di Kampuchea pada tahun 1980 begitu terserlah. Begitu juga dengan usaha Malaysia untuk mendapatkan kerjasama masyarakat dunia membendung masalah pengedaran dadah dan juga isu Antartika mendapat sokongan yang padu dari negara-

¹⁷² Shanti Nair, hlm. 12

¹⁷³ ibid., hlm. 94

negara Islam.¹⁷⁴ Negara-negara ahli OIC juga turut meminta pandangan Malaysia berhubung isu-isu melibatkan penyelesaian masalah kumpulan minoriti.¹⁷⁵ Selain dari itu, dalam persidangan OIC pada tahun 1981, Dr. Mahathir Mohamad meminta organisasi tersebut memberi bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada mujahiddin Afghanistan.¹⁷⁶ Pada waktu yang sama konflik di antara Israel dan Palestin terus menjadi perhatian utama Malaysia.

Dalam majlis perasmian Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1981 Dr. Mahathir Mohamad berhujah bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam tidak boleh dipisahkan daripada dunia Islam dan Malaysia akan terus berusaha memperkuatkan perpaduan Islam dan tanggungjawabnya kepada negara-negara Islam yang lain.

5.4 Thailand

Dalam tahun 1981, Malaysia menghadapi masalah yang rumit dengan negara jirannya Thailand berhubung dengan isu pelarian warga Thai yang menyusup masuk ke sempadan wilayah Malaysia. Ia berlaku berikutan dengan kebimbangan orang-orang Thai terhadap ancaman penganas PKM, tentera Thai dan pihak Pattani United Liberation (PULO)¹⁷⁷ di Selatan Thailand. Pada masa yang sama hubungan di antara kerajaan Thailand dengan penduduk Muslim Pattani juga dikatakan sentiasa bergolak dan

¹⁷⁴ ibid, hlm. 95

¹⁷⁵ K.N. Nadarajah, *Tengku Ahmad Rithaudeen: His Story*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2000, hlm. 69

¹⁷⁶ David Camroux, *Looking East and Inwards*, hlm. 21

¹⁷⁷ Ia sebuah pertubuhan militan di asaskan di India oleh Kabir Abdul Rahman. Ia terlibat dalam beberapa siri pengeboman di Bangkok dan mendapat latihan ketenteraan di Libya, Syria dan sokongan dari Malaysia. Pada asasnya ia adalah sebuah pertubuhan pemisah yang mahukan wilayah Pattani yang majoriti penduduknya Melayu Islam, bebas dari pemerintahan kerajaan Thailand.

penuh dengan konflik.¹⁷⁸ Berikutan dengan kejadian tersebut seramai 1000 pelarian Thai melarikan diri ke sempadan Malaysia iaitu Sik, Baling dan Kroh. Memandangkan isu tersebut melibatkan warga Islam Thai, Dr. Mahathir sekali lagi memperlihatkan kepimpinannya sebagai pemimpin Islam menghulurkan bantuan dengan menerima pelarian tersebut walaupun pada dasarnya Malaysia berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal negara lain. Walaubagaimanapun dalam soal ini, kerajaan Malaysia berpegang kepada prinsip "*no definite policy on Thai Muslim refugee problem*".¹⁷⁹ Ia sejajar dengan kepimpinan Melayu UMNO yang sentiasa bersimpati dan menyokong perjuangan Melayu Pattani.¹⁸⁰

Tindakan sedemikian tidaklah memeranjatkan kerana kejadian seumpama ini pernah berlaku pada tahun 1978 apabila Malaysia menerima 100,000 pelarian Kampuchea Islam dan warga Indochina Islam akibat berlakunya krisis pelarian Vietnam dalam tahun 1970-an. *Utusan Malaysia*, dalam sidang pengarangnya, menyatakan isu tersebut perlu dilihat dari perspektif kemanusiaan dan bukannya dari sudut politik. Sebelum ini Malaysia juga pernah dituduh sebagai negara yang menyokong kuat perjuangan pemisah Islam dan mengancam kestabilan politik Thailand.¹⁸¹ Ia menganggap isu tersebut dapat diselesaikan secara positif dan tanpa sebarang sikap prejudis atau prasangka. Ia menambah lagi masalah pelarian Thai patut dilihat dalam aspek yang lebih

¹⁷⁸ Jean DeBenardi and Christopher Tarnowski, "Managing Multicultural Societies: The Status of Minority Groups in Singapore, Malaysia and Thailand," dlm. Amitav Acharya and Richard Stubbs (ed), *New Challenges for ASEAN: Emerging Policy Issues*, Vancouver: University of British Columbia Press, 1995, hlm. 95

¹⁷⁹ Shanti Nair, hlm. 176

¹⁸⁰ Clive J. Christie, *A Modern History of Southeast Asia: Decolonization, Nationalism and Separatism*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1996, hlm. 185

¹⁸¹ Utthai Dulyakasem, "Muslim-Malay Separatism in Southern Thailand: Factors Underlying The Political Revolt," dlm. Lim Joo-Joek and Vanis (ed), *Armed Separatism in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1984, hlm. 245

luas misalnya untuk mendapatkan kuasa autonomi dan menjaga kebijakan serta kepentingan penduduk Islam di negara berkenaan. Malaysia meneruskan dasar 'tidak rasmi' bagi membantu penduduk Thai Islam melalui kempen diplomatik secara 'sulit' dengan negara-negara Timur Tengah supaya menghulurkan bantuan kewangan kepada Muslim Pattani.¹⁸²

5.5 Filipina

Keprihatinan Malaysia tentang kebijakan masyarakat Islam di Filipina adalah berkait rapat dengan keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan OIC. Ini adalah kerana sokongan OIC kepada kumpulan pejuang Moro di Filipina adalah selaras dengan Piagam 1972 pertubuhan tersebut yang menyebut bahawa sokongannya kepada perjuangan umat Islam berdasarkan kepada matlamat memelihara maruah, kebebasan dan hak asasi mereka. Kalau ditinjau dari aspek sokongan, penduduk Islam di Filipina mendapat perhatian yang istimewa dari OIC berbanding dengan kumpulan-kumpulan minoriti Islam yang lain. Melalui organisasi tersebut kekuatan tentera kumpulan pemisah dan pengaruh politik semakin bertambah sehingga mereka mampu mengenakan tekanan ke atas kerajaan pusat Filipina dari mengambil tindakan ke atas pergerakan tersebut.¹⁸³

Walaubagaimanapun dalam Persidangan Menteri-Menteri Negara Islam pada tahun 1985 pula, Malaysia sebagai ahli OIC telah menentang resolusi mengutuk kerajaan Marcos atas tindakannya yang represif dan tidak menghormati hak asasi penduduk Bangsamoro di Filipina. Selepas persidangan tersebut Presiden Filipina, Ferdinand

¹⁸² Shanti Nair, hlm. 177 –

¹⁸³ ibid, hlm. 188

Marcos mengeluarkan satu kenyataan mengucapkan rasa terima kasihnya kepada kerajaan Malaysia kerana sokongannya itu dan membantu menerangkan kedudukan sebenar Filipina dalam isu tersebut. Peristiwa ini jelas memperlihatkan keinginan kerajaan Dr. Mahathir Mohamad untuk menjaga dan memelihara hubungan diplomatik dan perhubungan dua hala yang baik dengan ahli ASEAN tersebut. Namun begitu perhubungan dua hala antara Malaysia dengan Filipina terjejas apabila negara tersebut menuduh Malaysia menyokong perjuangan kumpulan pemisah di Filipina. Walaupun kerajaan Malaysia pada awalnya menyangkal dakwaan tersebut, tetapi peristiwa penangkapan bot yang membawa gerila Moro ke Sabah oleh tentera pengawal laut Filipina telah membuktikan kebenaran dakwaan tersebut.¹⁸⁴ Walaubagaimanapun Malaysia tetap meneruskan usahanya membantu perjuangan bangsa Moro melalui tindakan kolektif iaitu melalui pertubuhan OIC dan bukannya sebagai sebuah negara individu bagi mengelak daripada sebarang persengketaan politik.

Selain itu pada tahun 1996 Malaysia bersama Indonesia, sebagai anggota penting OIC telah membantu mengusahakan satu perjanjian perdamaian di antara Presiden Filipina Fidel Ramos dengan pemimpin MNLF, Nur Misuari dengan harapan mendapatkan kuasa autonomi kepada penduduk Islam di Selatan Filipina itu. Walaupun ia mendapat bantahan kuat dari kalangan penduduk Kristian di Filipina dan kumpulan MILF dan Abu Sayaff,¹⁸⁵ Malaysia tetap meneruskan usaha tersebut dan berpuas hati dengan pencapaiannya memandangkan rantau tersebut amat penting bagi perkembangan

¹⁸⁴ *Harakah*, 17 Julai 1987

¹⁸⁵ Kumpulan Abu Sayyaf sebuah kumpulan pemisah di bentuk pada tahun 1991 dan disabitkan dengan peristiwa serangan ke atas World Trade Center, New York pada tahun 1993 dan cubaan membunuh Pope pada tahun 1995. Ia juga terlibat dalam kes penculikan di Pulau Sipidan, Sabah.

ekonomi bagi Malaysia secara khusus dan Kawasan Asia Timur (*East Asean Growth Area*) secara am.¹⁸⁶

5.6 Pergerakan Dakwah Islam

Kesungguhan pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad dalam membantu masyarakat Islam di negara-negara membangun, khususnya di rantau Asia Tenggara dapat dilihat apabila ia menyokong aktiviti dakwah Islamiah. Ia dapat dilakukan dengan berkesan melalui pertubuhan RISEAP-*Islamic Council of South East Asia and the Pacific*. Ketika Dr. Mahathir Mohamad berucap di Mesyuarat Agung RISEAP pada tahun 1983, beliau menyatakan kesediaan Malaysia untuk memain peranan yang lebih aktif dalam pergerakan dakwah Islam pada peringkat dalam dan luar negeri. Beliau berhujah:

*"In this regard, we believe that our participation should not only be active but also effective in the true sense of the word. We in Malaysia will continue to do everything within our means to assist in the struggle of the Muslim umma for the right to live the lives of true Muslims"*¹⁸⁷

Apa yang menarik sekali ialah pemilihan Malaysia sebagai penaung RISEAP telah membolehkan Dr. Mahathir membina imej sebagai pemimpin negara-negara Islam dan menggunakan sebagai platform untuk menyuarakan idea-ideanya berkenaan permasalahan masyarakat Islam kepada seluruh dunia. RISEAP menjadi satu-satunya 'saluran' penting bagi Malaysia untuk menghulurkan bantuan kepada masyarakat Islam di Asia Tenggara dan seterusnya membolehkan ia tidak terlibat secara langsung dan menghalangnya dari sebarang krisis politik dengan negara jiran lain.

¹⁸⁶ Shanti Nair, hlm. 192

¹⁸⁷ ibid. hlm. 197-198

Selain itu kerajaan pimpinan Dr. Mahathir Mohamad juga memberikan bantuan kepada perkembangan syiar Islam di negara-negara membangun dengan membekalkan buku-buku teks dan menganjurkan program pendidikan Islam kepada belia-belia dan para pegawai khususnya di rantau Asia Tenggara. Dalam tahun 1984, Malaysia dengan kerjasama kerajaan Arab Saudi mengumumkan cadangannya untuk menerbitkan sebuah rancangan radio yang bernama Suara Islam atau "Voice of Islam". Tujuannya adalah untuk menyiaran syiar Islam kepada seluruh umat Islam di Asia Tenggara. Pada masa yang sama rancangan tersebut juga diharapkan dapat menghindarkan tanggapan yang negatif terhadap agama Islam oleh masyarakat bukan Islam di Asia Tenggara.¹⁸⁸

5.7 Kesimpulan

Segala usaha untuk membantu masyarakat Islam di negara-negara membangun dilakukan dengan berhati-hati oleh kerajaan Malaysia bagi mengelakkan sebarang salah tafsiran dan berlakunya krisis dengan kerajaan negara tersebut. Seringkali keinginan Malaysia untuk menghulurkan bantuan kepada masyarakat Islam dianggap sebagai mencampuri urusan hal ehwal negara lain dan menyokong pergerakan pemisah Islam untuk menuntut kemerdekaan. Tambahan lagi, dakwaan Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebagai model negara Islam dan mengutamakan hubungannya kepada kumpulan pemisah Islam merumitkan lagi kedudukan kerajaan Malaysia dalam hubungan diplomatiknya dengan kerajaan lain di Asia Tenggara.

¹⁸⁸ FAM, Volume 16, No. 3, September 1993, hlm. 8-11

Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan Dr. Mahathir Mohamad dalam mengetengahkan isu-isu yang melibatkan masyarakat Islam negara-negara membangun di arena antarabangsa terserah. Beliau bukan hanya berjaya mengartikulasikan isu-isu masyarakat Islam negara membangun malah apa yang diutarakaninya itu diikuti dengan tindakan dan inisiatif yang konsisten. Keinginan dan keikhlasan beliau untuk membantu masyarakat Islam negara membangun tidak dapat disangkal lagi. Namun begitu, segala usaha dan tindakan beliau itu turut mengambil kira keuntungan dan kepentingan politik peribadi beliau dalam negeri dan juga peluang ekonomi. Kata-kata beliau yang sentiasa berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dengan hal ehwal negara lain hanya menjadi *rhetoric* semata-mata.